

UPM penerima tertinggi geran penyelidikan Irpa

Oleh Khairina Yasin

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) terus unggul dalam bidang penyelidikan apabila menjadi penerima geran penyelidikan Skim Peningkatan Penyelidikan Peningkatan Keutamaan (Irpa) tertinggi iaitu RM155.2 juta dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8).

Daripada jumlah itu, sebanyak RM52.7 juta diperuntukkan untuk 314 projek penyelidikan eksperimen gunaan; RM41.5 juta bagi 27 projek penyelidikan keutamaan; RM51.7 juta bagi lima projek penyelidikan strategik dan RM2.9 juta bagi 120 projek penyelidikan asas.

Bakinya iaitu RM6.4 juta pula

diperoleh di bawah peruntukan National Biotechnology Directorate (NBD) bagi tujuh projek Top Down National Biotechnology.

Usaha ini diperkuatkan lagi dengan penubuhan Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) yang bertanggungjawab penuh dalam menjana, meningkatkan dan mempelbagaikan sumber dana penyelidikan UPM.

Patut itu juga berfungsi sebagai tempat pertemuan bagi penyelidik dalam pelbagai bidang untuk bergabung tenaga dan sumber bagi menghasilkan penyelidikan terkini.

Malah, RMC turut berperanan meningkatkan kerjasama UPM dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) antara agensi penyelidikan awam dan

swasta.

Menurut sumber UPM, UPM meletakkan sasaran peruntukan geran penyelidikan sekurang-kurangnya RM500 juta untuk tahun depan iaitu peningkatan sebanyak 300 peratus.

Katanya, selain itu UPM turut mengambil langkah aktif dalam mematenkan hasil penyelidikan apabila satu dana khas berjumlah RM500,000 diperuntukkan kepada penyelidik UPM bagi proses mendapatkan paten.

Sehingga kini, empat produk penyelidikan berjaya dipatenkan dan 20 produk penyelidikan masih lagi dalam proses mendapatkan hak paten.

"Kecemerlangan UPM dalam bidang penyelidikan juga telah mendorong Kementerian Pendi-

dikan memberi mandat kepada-nya bagi mengelolakan Pameran Penyelidikan dan Pembangunan ke-2 yang dijadual berlangsung pada 2 hingga 5 Oktober ini.

"Pameran bertemakan 'Pelaburuan Dalam Inovasi' yang akan diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur, bertujuan mempromosi hasil penyelidikan dan kepakaran institusi pengajian tinggi awam (IPTA) kepada umum dan sektor swasta," katanya.

Pada masa sama, pameran itu menjadi landasan menggiatkan usaha kerajaan merangsang pemindahan teknologi dengan menjadikan hasil penyelidikan serta penjanaan perniagaan baru lebih komersial.

Antara aktiviti lain diadakan

ialah persidangan dan forum yang berjalan serentak. Aktiviti itu memberi peluang kepada penyelidik IPTA, institusi pengajian tinggi swasta dan sektor swasta berbincang melalui pembentangan kertas kerja berkaitan pencapaian pengurusan penyelidikan dan pembangunan serta usaha sama meningkatkan kualiti penyelidikan.

Selain itu, pameran itu turut membuka ruang kepada syarikat swasta dan agensi yang berminat untuk mengkomersialkan 500 produk yang dipamerkan.

Antara bidang dipamerkan ialah pertanian, makanan dan perhutanan; bahan tenaga dan alam sekitar; biosains dan bioteknologi; teknologi dan komunikasi; sains dan kejuruteraan.